




Junior Kimwah
Norsuhaila Sulaiman
Lee See Ling



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

The background is a complex collage of abstract geometric and organic shapes. It includes wavy lines at the top left, a grid pattern on the left side, a large stylized 'C' shape on the right, and various other geometric forms like circles, squares, and triangles. Some areas have a halftone dot pattern. The overall color palette is grayscale.

KONSEP MADANI *dalam* SENI VISUAL



KONSEP MADANI *dalam* SENI VISUAL

Penyunting
Junior Kimwah
Norsuhaila Sulaiman
Lee See Ling

PENERBIT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Kota Kinabalu • Sabah • Malaysia

<http://www.ums.edu.my>

2025

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sabah, kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Akta 332, Akta Hak Cipta 1987. Keizinan adalah tertakluk kepada pembayaran royalti atau honorarium.

Segala kesahihan maklumat yang terdapat dalam buku ini tidak semestinya mewakili atau menggambarkan pendirian mahupun pendapat Penerbit Universiti Malaysia Sabah. Pembaca atau pengguna buku ini perlu berusaha sendiri untuk mendapatkan maklumat yang tepat sebelum menggunakan sebarang maklumat yang terkandung di dalamnya. Pandangan yang terdapat dalam buku ini merupakan pandangan ataupun pendapat penulis dan tidak semestinya menunjukkan pendapat atau polisi Universiti Malaysia Sabah. Penerbit Universiti Malaysia Sabah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah mahupun kesulitan yang timbul, sama ada secara menyeluruh atau sebahagian, yang diakibatkan oleh penggunaan atau kebergantungan pembaca terhadap kandungan buku ini.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-629-7662-81-7



e-Catalogue

Muka taip teks:

Saiz taip teks dan *leading*:

Pereka letak kulit dan halaman:

Pembaca pruf:

Editor naskhah:

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Minion Pro

11/14 poin

Rosalind Ganis

Adhwa Shahidahtul Nabiehah Aidal

Ainun Jamil

Penerbit Universiti Malaysia Sabah

Universiti Malaysia Sabah

Jalan UMS

88400 Kota Kinabalu, Sabah.

<https://umspress.com.my/>

Kandungan

Muka Surat

Senarai Rajah	vii
Senarai Jadual	ix
Senarai Foto	ix
Kata Pengantar	xi
Prakata	xiii
Pendahuluan	xiv

Bab 1	Perlambangan Budaya Masyarakat Sabah dalam Karya Seni Arca “Raja Rusa Sabah Bertanduk Lebih Ganjil” oleh Inauk S. Gullah	1
	<i>Rohasmezan Hashim & Zaimie Sahibil</i>	
Bab 2	Daya Cipta Corak Batik Kontemporari di Sabah	12
	<i>Salbiah Kindoyop, Mohamad Puad Bebit, M Fazmi Hisham & Oscar Gordon Wong</i>	
Bab 3	Abdullah Ariff: Propagandis Visual pada Zaman Pendudukan Jepun (1942-1945)	28
	<i>Saiful Akram Che Cob</i>	
Bab 4	Estetika Reka Bentuk dan Motif Berjalur pada Songket Tenggarung dalam Konteks Sosiobudaya Melayu	44
	<i>Mohd Jamil Muhamad Amin, Arba'iyah Ab. Aziz & Nor Azlin Hamidon</i>	
Bab 5	LinoMotion: Gabungan Cetakan Tradisional dan Teknologi Augmented Reality (AR) dalam Era Malaysia Madani	58
	<i>Oscar Gordon Wong & Cristhiee Shenna Chin</i>	

Bab 6	Ekspresi Estetika Motif Bugis di Sabah: Tafsiran pada Tanda dan Simbol	73
	<i>Mohamad Azizie Nordin & Saiful Akram Che Cob</i>	
Bab 7	Budaya Melalui Penciptaan Bersama: Cerita Rakyat Dusun dalam Visualisasi	90
	<i>Hannah Kong Nyuk Fun, Imelda Ann Achin & Mohamad Puad Bebit</i>	
Bab 8	Reka Bentuk Kubu Alice di Sarawak Tahun 2013 sehingga 2023	107
	<i>Ariff Morshidi, Junior Kimwah, Norsuhaila Sulaiman & Lee See Ling</i>	
Penutup		125
Senarai Penyumbang		130
Indeks		133

Senarai Rajah

Rajah	Muka Surat
1.1 Gambar pengarca, gambar arca dan lakaran struktur 'Raja Rusa Sabah Bertanduk Lebih Ganjil'	4
1.2 Lakaran ikon pada arca 'Raja Rusa Sabah Bertanduk Lebih Ganjil'	6
1.3 Lakaran imej objek yang terdapat dalam budaya masyarakat	7
2.1 Aspek yang mempengaruhi daya cipta corak batik	17
2.2 Daya cipta dalam penggayaan	19
2.3 Daya cipta dalam komposisi	20
2.4 Daya cipta motif	20
2.5 Daya cipta dalam makna	21
3.1 Kartun Abdullah Ariff, ' <i>Heart Breaking – for the Allies</i> '	30
3.2 Kartun <i>Distress at Sea</i>	31
3.3 Kartun <i>British Imperialism</i>	32
3.4 Ilustrasi Korewa <i>Ikaga Desuka</i>	33
3.5 Kartun <i>The Long Arm Nippon</i>	36
3.6 Kartun <i>Anglo-Saxon Imperialism</i>	37
3.7 Poster propaganda, <i>England Guilts</i> yang diterbitkan pada tahun 1939, yang mempunyai kemiripan dengan komposisi kartun propaganda ' <i>Anglo-Saxon Imperialism</i> '	38
3.8 Ilustrasi <i>They Are Growing More Food</i>	39
3.9 Ilustrasi perayaan "Tentyo Setsu Di Syonan"	40
4.1 Peta Kepulauan Melayu sekitar abad ke-16 oleh Portugis	46
4.2 Kerangka penyelidikan	49
4.3 Teori dan prinsip estetika Melayu oleh Zakaria Ali	50
5.1 Proses pengalaman pengguna dan aliran dari mula ke tindakan seterusnya	70
6.1 Carta aliran penyelidikan	77
6.2 Fasa Satu: Perkembangan budaya Bugis	78
6.3 Fasa Dua: Pengaruh luaran dan dalaman	78

6.4	Fasa Tiga: Analisis simbol Bugis	79
6.5	Keris Bugis	85
7.1	Landskap semasa penyelidikan reka bentuk berpusatkan manusia seperti yang diamalkan dalam reka bentuk dan pembangunan produk dan perkhidmatan	96
8.1	Ilustrasi Kubu James	108
8.2	Ilustrasi Kubu Alice dari pandangan atas	117
8.3	Ilustrasi Kubu Alice dari pandangan hadapan	117
8.4	Ilustrasi Kubu Alice dari pandangan sisi	119
8.5	Ilustrasi Kubu Alice dari pandangan belakang	120

Senarai Jadual

Jadual	Muka Surat
2.1 Elemen perbandingan batik Sabah dan batik Kelantan Terengganu	19
2.2 Teknik dan proses menghasilkan batik canting	23
4.1 Senarai informan	49
4.2 Motif dan reka bentuk berjalur pada baju Melayu Songket Tenggarung	54
4.3 Rekaan motif pada baju Melayu Songket Tenggarung	55
5.1 Gabungan artis dan ahli akademik yang terlibat dalam pembikinan inovasi LinoMotion	61
5.2 Senarai komponen teknologi yang digunakan	65
5.3 Penjajaran visi Malaysia Madani	67

Senarai Foto

Foto	Muka Surat
4.1 Pengrajin tekstil diraja Melayu sekitar tahun 1800-an	47
4.2 Sultan Sir Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'azzam Shah (1932-1975), memakai busana adat diraja Melayu Pahang yang diperbuat daripada Songket Tenggarung semasa acara diraja Melayu sekitar awal tahun 1970-an	48
4.3 Baju Melayu Songket Tenggarung	53
5.1 Oscar Gordon Wong (kiri) dan Cristhiee Shenna Chin (kanan) bersama-sama dengan produk inovasi mereka	62
5.2 (i) Ukiran pada linoleum dan (ii) proses cetakan dengan dakwat di atas permukaan kertas	63

5.3	Integrasi inovasi LinoMotion antara penyelidik industri dan komuniti setempat	68
6.1	Baju <i>Bodo</i>	81
6.2	Pakaian lelaki dan wanita	82
6.3	Sarung Bugis (<i>Lippa Sabbe</i>)	83
6.4	Keris Bugis	90
8.1	Empat gambar Kubu Alice	109
8.3	Kedudukan meriam di Kubu Alice	110
8.4	Reka bentuk dalaman Kubu Alice	111
8.5	Menara Tinjau Kubu Alice	112
8.6	Informasi dan sejarah Kubu Alice	113
8.7	Reka bentuk dalaman Kubu Alice	113
8.8	Meriam dalam Kubu Alice	114
8.9	Gambar Kubu Alice tanpa tarikh	115
8.10	Pintu masuk utama Kubu Alice	116

Kata Pengantar

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia Madani

Alhamdulillah, dengan izin-Nya buku *Konsep Madani dalam Seni Visual* berjaya diterbitkan hasil gabungan idea, kajian dan semangat para pengkaji seni visual tanah air. Buku ini menghimpunkan lapar bab yang membincangkan pelbagai aspek seni visual dan merupakan penambahbaikan daripada Prosiding Persidangan Antarabangsa Seni dan Teknologi Kreatif 2024 (PASTIK24) yang telah dianjurkan oleh Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF), Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Terima kasih diucapkan kepada Profesor Madya Dr. Sim Chee Cheang selaku Pengerusi PASTIK24 serta seluruh jawatankuasa penganjur yang telah bertungkus lumus menjayakan persidangan ini. Hasil kesungguhan dan kerjasama tersebut, terhasillah buku yang dinamakan *Madani Seni Visual* sebagai lambang gabungan nilai seni, ilmu dan kemanusiaan yang selari dengan gagasan Malaysia Madani.

Buku ini juga merupakan sebahagian daripada usaha ASTiF menyahut seruan Amanat Naib Canselor 2024 iaitu setiap program akademik menghasilkan sekurang-kurangnya sebuah penerbitan ilmiah. Justeru, selain daripada pensyarah dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang lain, sebahagian daripada penerbitan ini adalah hasil penulisan daripada pensyarah-pensyarah ASTiF sendiri yang menyumbang bab mengikut bidang kepakaran masing-masing.

Judul *Madani Seni Visual* membawa pembaca menyusuri pelbagai dimensi seni visual daripada aspek sejarah dan warisan budaya sehinggalah kepada transformasi kontemporari yang menyelitkan nilai pemikiran dan falsafah. Diharapkan buku ini dapat menjadi bahan rujukan yang berguna serta memberi ilham kepada pelajar, penyelidik dan penggiat seni untuk terus meneroka dunia seni visual dengan lebih mendalam.

Akhir kata, jutaan terima kasih kepada Penerbit UMS atas sokongan dan kerjasama yang diberikan sepanjang proses penerbitan. Tidak dilupakan juga ucapan tahniah kepada semua pensyarah ASTiF dan

rakan-rakan pensyarah dari IPTA lain yang terus aktif dan komited dalam usaha memperkasa bidang penerbitan ilmiah. Semoga usaha ini menjadi inspirasi kepada warga akademik dan komuniti seni di seluruh negara.

Zairul Anuar Md. Dawam, PhD

Dekan

Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF)

Universiti Malaysia Sabah

Prakata

Perkembangan seni ditandai oleh pelbagai peristiwa dan cerita yang didokumentasikan oleh sejarawan serta pengkritik seni. Seni visual tidak terkecuali dalam hal ini, khususnya dalam perkembangannya yang dekat dengan kehidupan, budaya, dan ketamadunan manusia. Penulisan buku ini membuka ruang perbincangan berkaitan dengan seni visual yang meliputi wacana mengenai gaya, identiti, pengaruh manifestasi seni, tapisan moral, eksperimen artistik, dan hubungannya. Hubungan tersebut telah memberikan satu cabaran, sekali gus mencetuskan isu-isu yang berlegar di sekitar perkembangannya, sama ada berasaskan zaman, nilai estetik, teori, sejarah, cabaran, dan pengalaman di sebalik kehidupan seniman, karya, dan masyarakat di sekelilingnya.

Buku *Konsep MADANI dalam Seni Visual* telah mengambil pendekatan untuk berkongsi pemancaran hubungan seni visual yang memberikan pemahaman yang mudah difahami dan ditafsirkan terhadap sesebuah karya yang dibicarakan oleh pengkaji dan sarjana.

Semoga penerbitan buku ini dapat dimanfaatkan oleh pengamal seni visual, pendidik seni visual, pelajar institusi pengajian tinggi, pelajar sekolah menengah atas, dan pencinta seni. Rakaman penghargaan ditujukan kepada semua barisan penulis yang telah menyumbangkan hasil penyelidikan untuk bab dalam buku ini. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak editor, Penerbit UMS, dan ahli jawatankuasa yang terlibat dengan jitu sehingga buku ini berjaya diterbitkan.

Akhir kata, semoga usaha ini memberi kebaikan kepada semua.

Junior Kimwah, PhD

Norsuhaila Sulaiman, PhD

Lee See Ling, PhD

Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTIF)

Universiti Malaysia Sabah

Pendahuluan

Buku *Konsep MADANI dalam Seni Visual* mengumpulkan esei-esei yang bertunjangkan aspek seni visual berdasarkan tiga nilai teras Malaysia MADANI iaitu *Kemampanan*, *Kesejahteraan* dan *Daya Cipta*. Definisi ‘Kemampanan’ yang merujuk kepada mutu hidup seimbang berdasarkan citra Malaysia yang unik berasaskan ilmu pengetahuan dan kearifan tempatan. Seterusnya, definisi ‘Kesejahteraan’ yang merujuk kepada kesejahteraan ekonomi, sosial dan kelestarian alam melalui budaya ilmu dan kepelbagaian pandangan, manakala definisi ‘Daya Cipta’ adalah proses pembaharuan dan pengupayaan modal insan bagi menjelmakan daya cipta manusia.

Terdapat lapan bab terpilih dalam bidang seni visual yang membincangkan aspek kebudayaan seni visual di Malaysia khususnya di Sabah dan Sarawak. Esei “*Perlambangan Budaya Masyarakat Sabah dalam Karya Seni Arca “Raja Rusa Sabah Bertanduk Lebih Ganjil” oleh Inauk S. Gullah*” membincangkan sebuah arca haiwan rusa yang memiliki tanduk ganjil. Arca ini diilhamkan daripada cerita rakyat masyarakat Murut yang melambangkan kehidupan masyarakat setempat. Rusa merupakan ikon utama yang menjadi sumber makanan, kraf dan juga simbol budaya Murut. Arca rusa ini dihasilkan sempena Perayaan Pesta Kalimaran 2009 yang bertempat di Pusat Kebudayaan Murut, Keningau Sabah.

Bab bertajuk “*Daya Cipta Corak Batik Kontemporari di Sabah*” menetengahkan perbincangan inovasi corak-corak batik kontemporari di Sabah. Corak batik yang terpilih daripada etnik Kadazan Dusun, Bajau dan Murut dipengaruhi oleh corak yang terdapat pada pakaian tradisi dan anyaman kraf tradisional setiap etnik tersebut. Inovasi corak batik ini dapat menonjolkan identiti Sabah dalam penghasilan corak batik Sabah, sekali gus memberikan perbezaan daripada corak batik yang ada di Malaysia.

Saiful Akram menggarap kisah lampau melalui karya pelukis awal tanah air iaitu Abdullah Ariff yang telah menghiasi industri seni visual negara sebelum mencapai kemerdekaan. Esei ini membincangkan agenda propaganda Jepun dalam mempengaruhi orang Tanah Melayu untuk membenci dan menolak pemerintahan British. Agenda ini dipamerkan di akhbar-akhbar harian pada tahun 1942 sehingga 1945. Abdullah Ariff dengan berani mempersendakan pemerintah British dengan imej kekalahan di tangan tentera Jepun. Cara tersebut berjaya mempengaruhi

orang Tanah Melayu untuk menerima tentera Jepun dan menyokong tentera Jepun untuk mengusir tentera British.

Bab yang berjudul *“Estetika Reka Bentuk dan Motif Berjalur Songket Tenggarung dalam Konteks Sosiobudaya Melayu”* memperlihatkan ketelitian tenunan benang dan sulaman kemas Songket Tenggarung yang menjadi pilihan utama untuk pakaian kerabat diraja. Tekstil yang mewah dan bergaya ini memiliki estetika yang tersendiri dan mempunyai lambang tertentu dalam penggunaan motif yang ditenun dan disulam dengan tangan. Motif dan corak Tenggarung melambangkan kerabat diraja Melayu dalam kelas kedudukan sosial dan status bangsawan Melayu.

Bab *“LinoMotion: Gabungan Cetakan Tradisional dan Teknologi AR dalam Era Malaysia Madani”* adalah cetusan inovasi yang memperlihatkan teknik cetakan lino secara tradisi telah diaplikasikan kepada teknologi Augmented Reality (AR) untuk memberi pengalaman baharu dalam menghayati karya seni cetakan. Imej ikan dalam konteks sistem tagal yang diamalkan di kebanyakan tempat di sungai di Sabah dapat dihayati dengan teknologi AR. Kaedah ini dapat memberi pengalaman baharu kepada audiens seni di samping mempromosikan warisan tagal.

Penulisan yang bertajuk *“Ekspresi Estetika Motif Bugis di Sabah: Tafsiran pada Tanda dan Simbol”* membincangkan keunikan yang ada pada masyarakat Bugis di Sabah. Motif pakaian dan perhiasan harian masyarakat Bugis melambangkan ciri-ciri budaya sama ada dari segi ritual, simbol, dan warna. Perhiasan yang digunakan juga cerminan budaya yang mengandungi unsur teknik, estetika, falsafah, simbolik dan spiritual yang berperanan untuk memberi pengetahuan dan keperibadian bangsa.

Seterusnya, esei *“Menghubungkan Budaya Melalui Penciptaan Bersama: Cerita Rakyat Dusun dalam Visualisasi”* mempromosikan cerita rakyat daripada masyarakat KadazanDusun atau Dusun di daerah Tambunan. Konsep penciptaan merujuk kepada proses artistik yang melibatkan penduduk asal yang menjadi informan dan mensahihkan kisah tersebut dalam bentuk visual. Dalam konteks ini, cerita rakyat dapat dihayati secara visual dan dapat memberi kesedaran yang lebih mendalam apabila disampaikan dengan paparan imej yang bersesuaian. Kaedah ini adalah salah satu cara dalam memelihara dan memulihara cerita rakyat Dusun melalui seni visual kontemporari.

Bab terakhir “*Reka Bentuk Kubu Alice di Sarawak Tahun 2013 hingga 2023*” membincangkan perubahan reka bentuk kubu yang digunakan sebagai pusat pelancongan. Penulisan ini membincangkan proses konservasi bangunan yang telah usang dan diubah suai menjadi sebuah muzium bagi ruang pameran sejarah. Kubu Alice memiliki ciri-ciri berbeza daripada kubu British yang telah dibina di sekitar negeri Sarawak. Kubu tersebut memiliki ciri-ciri reka bentuk rumah tradisional Melayu Sarawak kerana diperbuat daripada kayu. Pada tahun 2013, kubu yang telah usang tersebut diubah sedikit demi sedikit daripada penggunaan kayu kepada dinding simen dan ruang bawah telah ditutup untuk memberi ruang baharu sebagai ruang pameran.

Keunikan buku ini membolehkan pembaca memahami kesinambungan fakta dan teks kandungan yang telah diterjemahkan sesuai dengan keseimbangan budaya ilmu dalam masyarakat MADANI.